

Dr. M puas hati persiapan NAM

UUM - 7 FEB 2003

KUALA LUMPUR 6 Feb — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berpuas hati dengan persiapan sidang kemuncak Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) ke-13 yang akan diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) pada 20 hingga 25 Februari ini.

Perdana Menteri berkata, secara keseluruhannya beliau berpuas hati kecuali beberapa perkara kecil yang perlu dipinda termasuk mengadakan tempat isteri ketua-ketua negara yang akan menghadiri persidangan itu.

Beliau berkata, persiapan di dewan persidangan berjalan baik dan ia kelihatan cantik.

Bagaimanapun Perdana Menteri, meminta persiapan di sebelah luar tempat persidangan juga dicantikkan.

Dr. Mahathir kemudian meminta supaya di-

mudahkan laluan keluar masuk ke PWTC semasa sidang itu berjalan dengan menentukan sekatan-sekatan jalan di PWTC itu.

“Sekatan-sekatan hendaklah ditentukan supaya ia tidak menjadi halangan kelicinan keluar masuk ketua-ketua negara yang menghadiri persidangan itu,” katanya.

Perdana Menteri memaklumkan perkara ini pada sidang akhbar di PWTC hari ini yang diadakan serentak dengan pelancaran duit siling peringatan, setem kenangan, sampul surat hari pertama NAM serta buku Program Kerjasama Teknik Malaysia (PKTM).

Semasa berucap pada majlis pelancaran itu, Perdana Menteri berharap agar rakyat negara ini menunjukkan sikap yang baik kepada delegasi asing itu agar ia menjadi satu kenangan manis semasa mereka berada di negara ini.